

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

APRIL 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

NUR SYAZWANI WAGIMAN

Bertajuk

**Laporan Kajian Akhir Cadangan Mereka Bentuk Pawagam Mini untuk Golden Screen Cinema
Di Bangsar South, Lot 51516 (PT 3636), Mukim Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan.**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan

: _____

 8-4-09

En.Norhasandi b.Mat

Koordinator Kursus

: _____

Pn.Azizah Binti Md Ajis

Koordinator Program

: _____

Prof.Madya Dr. Mohd Sabrizaa Bin Abdul Rashid

ABSTRAK

Projek akhir untuk para pelajar Diploma Rekabentuk Dalaman merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek projek rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat asas hingga ke peringkat persempahan cadangan rekabentuk. Projek yang telah dipilih bagi projek akhir ini ialah merekabentuk ruang dalaman mini pawagam Golden Screen Cinema yang terletak di aras Lower Ground Floor,Bangunan Bangsar South,Lot 51516 (PT3626), Mukim Wilayah Kuala Lumpur,Wilayah Persekutuan. Mini pawagam yang dicadangkan ini akan menjadi sebuah pusat hiburan yang membawa konsep baru iaitu pawagam yang bersaiz lebih kecil dari pawagam biasa dan pawagam yang direkabentuk khas untuk keluarga. Sasaran pelanggan yang akan datang menonton wayang atau menyewa bilik persendirian di mini pawagam adalah dari pelbagai golongan umur dan bangsa yang menginginkan kelainan semasa menonton wayang. Ini termasuklah golongan yang ingin meluangkan masa berhibur bersama keluarga dan rakan tapi masih menginginkan privasi. Selain itu,mini pawagam ini juga menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang memuaskan ketika menonton. Oleh kerana pelanggan yang akan menonton di mini pawagam Golden Screen Cinema datang daripada pelbagai golongan umur dan bangsa serta latar belakang yang berbeza, konsep dan stail dalam rekabentuk harus sesuai dengan citarasa setiap individu daripada kawasan yang berbeza dan mampu memberikan keselesaan terhadap pelanggan ketika menjalankan aktiviti berhibur dan merehatkan minda. Imej dan konsep yang dipilih bukan sahaja sesuai dengan penyewa malah mampu memberikan impak positif dan mencapai kepuasan yang optimum kepada pelanggan yang datang menonton di mini pawagam Golden Screen Cinema. Sehubungan dengan itu, stail rekabentuk yang dipilih untuk mini pawagam ialah '*futuristic style*' yang membawa maksud gaya yang diilhamkan untuk masa akan datang. Bagaimanapun, sebelum mendapatkan hasil rekabentuk yang sesuai dengan gaya futuristik, beberapa kajian perlu dilakukan untuk menyesuaikan imej ini dengan pusat hiburan yang bakal di kunjungi oleh segenap lapisan masyarakat terutamanya golongan muda dan golongan yang datang secara berkeluarga. Antara kaedah kajian ialah melalui temuramah, media cetak, internet, pemerhatian, pengalaman dan juga hasil daripada kajian kes samada dari dalam atau luar negara.

| | |
|-----------------------|-----|
| Abstrak | i |
| Penghargaan | ii |
| Isi Kandungan | iii |
| Senarai Rajah | vii |
| Senarai Jadual | ix |
| Senarai Carta | x |

| ISI KANDUNGAN | | MUKA SURAT |
|------------------------------------|--|-------------------|
| BAB 1.0 PENDAHULUAN | | 1 |
| 1.1 PENGENALAN | | 1 |
| 1.2 METODOLOGI KAJIAN | | 3 |
| 1.3 MATLAMAT KAJIAN | | 5 |
| 1.4 OBJEKTIF KAJIAN | | 6 |
| 1.5 SKOP KAJIAN | | 7 |
| 1.5.1 RUANG LEGAR | | 7 |
| 1.5.2 BILIK SKRIN (CINEMA) | | 7 |
| 1.5.3 KAFE 'CARO' | | 8 |
| 1.5.4 KEDAI CENDERAMATA 'GLITTERS' | | 8 |
| 1.5.5 PEJABAT | | 8 |

| | | |
|----------------|-----------------------------|-----------|
| 1.5.6 | BILIK PEKERJA DAN STOR | 9 |
| 1.6 | HALANGAN KAJIAN | 10 |
| 1.7 | KEPENTINGAN KAJIAN | 11 |
| 1.7.1 | KEPENTINGAN KEPADA NEGARA | 11 |
| 1.7.2 | KEPENTINGAN KEPADA PENGGUNA | 11 |
| 1.7.3 | KEPENTINGAN KEPADA KLIEN | 12 |
| 1.7.4 | KEPENTINGAN KEPADA PELAJAR | 12 |
| BAB 2.0 | KLIEN | 13 |
| 2.1 | LATAR BELAKANG | 13 |
| 2.1.1 | JENIS PERKHIDMATAN | 16 |
| 2.1.2 | SERVIS DAN KEMUDAHAN | 22 |
| 2.2 | CARTA ORGANISASI | 23 |
| 2.3 | VISI DAN MISI KLIEN | 25 |
| 2.4 | IMEJ KORPORAT KLIEN | 26 |
| 2.4.1 | LOGO GOLDEN SCREEN CINEMA | 27 |
| BAB 3.0 | KAJIAN DAN ANALISA | 28 |
| 3.1 | ANALISA TAPAK | 28 |
| 3.1.1 | LATAR BELAKANG TAPAK PROJEK | 31 |

1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Laporan ini adalah merupakan catatan hasil kajian-kajian dan pengumpulan maklumat dan data kajian untuk membantu cadangan merekabentuk mini pawagam untuk Golden Screen Cinema. Pelajar dikehendaki untuk menyediakan satu skim rekabentuk yang komprehensif berdasarkan isu kajian, skop kehendak klien (pelanggan) dan perhatian yang sensitif terhadap sesuatu isu atau permasalahan terhadap seni reka yang timbul dalam proses merekabentuk Mini Pawagam Golden Screen Cinema.

Projek yang dicadangkan adalah untuk memberi rekabentuk dan konsep yang baru bagi pawagam Golden Screen Cinema di samping memberikan susana yang lebih praktikal dan selesa kepada pelanggan dan pekerja serta servis yang lebih berkualiti. Pemilihan projek ini adalah untuk mengetengahkan rekabentuk dan konsep yang baru bagi sebuah syarikat pengeluaran filem tersohor di Malaysia, Golden Screen Cinema.

Pawagam didefinisikan sebagai teater filem, atau teater gambar. Pawagam dalam erti kata lain membawa maksud sebagai tempat atau bangunan yang menayangkan gambar bergerak iaitu filem atau drama. Teater filem merupakan suatu operasi komersial untuk kegunaan masyarakat umum yang memerlukan mereka untuk membeli tiket masuk sebelum sesuatu filem ditayangkan. Filem ditayangkan dengan menggunakan projektor yang difokuskan pada satu skrin putih yang besar (skrin projektor) yang terletak di bahagian depan auditorium. Sebahagian pawagam pada masa kini telah dibekalkan dengan ‘digital cinema projection’ yang mempunyai sistem projektor filem yang lebih canggih.